

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etika General Takaful Berhad ("Kami")
Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai MyRumah Takaful . Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	MyRumah Takaful Tarikh : <hh/bb/ttt>

1. Apakah produk ini?

Pelan ini memberikan perlindungan kepada harta anda yang digunakan sebagai rumah kediaman terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran, kilat dan letupan akibat gas yang digunakan untuk tujuan domestik. Pelan ini juga membayar manfaat sekiranya anda meninggal dunia akibat kebakaran, kecurian atau pecah masuk dengan menggunakan kekerasan dan keganasan di kediaman anda. Pelan ini turut membayar pampasan bantuan tunai kecemasan akibat kerosakan rumah.

2. Apakah konsep-konsep Syariah yang digunakan?

Wakalah

Produk ini menggunakan konsep wakalah (perwakilan), di mana para peserta melantik kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am (Dana). Para peserta juga bersetuju untuk memberikan kuasa kepada kami untuk mewakili hak, tanggungjawab dan kewajipan kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh kami bagi mencapai objektif untuk melabur dan menguruskan Dana tersebut dengan syarat, bagi perwakilan ini, kami akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan terhadap para peserta. Sebagai ejen, kami berhak menerima fi wakalah sebagai caj perkhidmatan.

Tabarru'

Pelan ini juga menggunakan konsep Tabarru' (derma), di mana para peserta bersetuju untuk menderma atau menyumbang sumbangan mereka kepada Dana bagi tujuan saling membantu dan menolong mana-mana peserta lain yang memerlukan bantuan berdasarkan peristiwa yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Pada akhir setiap tahun kewangan, sebarang lebihan dalam Dana, tolak pembayaran balik defisit bersejarah dan peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebihan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah kami, 50% akan dikongsi antara peserta yang sijilnya belum ditamatkan dan yang belum membuat tuntutan dalam tahun kewangan, dan 50% kepada kami kerana mengendalikan dan menguruskan Dana, berdasarkan kontrak Ju'alah. Ju'alah ialah kontrak ganjaran yang menentukan pengagihan perkongsian lebihan.

3. Apakah jenis-jenis perlindungan/manfaat yang diberi?

Perlindungan/manfaat diringkaskan seperti di bawah:

Keterangan Manfaat	Jumlah Manfaat dalam Ringgit Malaysia (RM)
Kerosakan rumah/isi kandungan rumah akibat kebakaran, kilat dan letupan domestik - Untuk isi kandungan rumah, jumlah manfaat dihadkan kepada RM10,000. - Untuk barangan platinum, emas dan perak, barang kemas dan bulu binatang, jumlah manfaat hendaklah tidak melebihi satu per tiga (1/3) daripada jumlah manfaat ke atas isi kandungan rumah.	Sehingga 20,000
Pampasan terhadap kematian anda atau mana-mana seorang keluarga terdekat anda iaitu pasangan yang sah, ibu bapa, ibu bapa mertua atau anak-anak Anda akibat kebakaran, kecurian atau pecah masuk dengan menggunakan kekerasan dan keganasan di kediaman Anda yang menyebabkan kematian dalam tempoh 12 bulan kalendar dari tarikh kejadian tersebut. Jika kematian berlaku kepada lebih daripada seorang, hanya bahagian pro-rata daripada jumlah manfaat akan dibayar untuk setiap orang. Manfaat ini hanya akan dibayar sekali sahaja.	2,500
Bantuan tunai kecemasan akibat kerosakan rumah disebabkan oleh kebakaran atau banjir atau ribut angin. Manfaat ini hanya akan dibayar sekali sahaja.	1,500 untuk mana-mana satu kerugian dan secara keseluruhan

Nota:

- Tempoh Takaful adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui sijil takaful setiap tahun.
- Sila rujuk sijil takaful untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Jumlah sumbangan takaful yang anda perlu bayar ialah RM 75.00 (tidak termasuk cukai perkhidmatan dan duti setem).

Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

5. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis	Jumlah
Fi Wakalah	40% daripada sumbangan yang termasuk: 15% komisen dibayar kepada pengantara 25% perbelanjaan pengurusan
Cukai Perkhidmatan	8% daripada sumbangan
Duti Setem	RM10.00

Nota: Bayaran duti setem untuk sumbangan tahunan tidak melebihi RM150 dikecualikan sehingga 31/12/2025. Walau bagaimanapun, duti setem RM10.00 akan dibayar mulai 1/1/2026.

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang harus saya ambil perhatian?

Kepentingan Pendedahan

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Permohonan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda.
- Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan (atau semasa permohonan takaful ini), tidak tepat atau sudah berubah

Tunai Sebelum Pelindungan – Sumbangan yang perlu dibayar mesti dibayar sebelum perlindungan berkuat kuasa.

Tempoh Percuma – Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberitahu kami secara bertulis dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan sijil anda untuk membatalkannya. Sumbangan yang telah dibayar akan dikembalikan, dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam tempoh ini.

Tuntutan – Apabila berlaku sebarang kerugian atau kerosakan kepada harta yang dilindungi, anda hendaklah memberi notis segera mengenainya secara bertulis kepada kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kehilangan atau kerosakan tersebut dengan butiran terperinci dan bukti yang mungkin diperlukan secara munasabah. Anda juga boleh menghubungi Talian Tuntutan kami di 1-300-88-1007 untuk bantuan dan panduan tentang penyerahan tuntutan.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk melihat keseluruhan terma dan syarat.

7. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah Sijil ini?

Sijil ini tidak melindungi:

- Kerugian oleh sebab kecurian semasa atau selepas berlakunya sesuatu kebakaran;
- Gempa bumi, letupan gunung berapi atau konvulsi alam semula jadi lain;
- Perang, perang saudara dan sebarang tindakan keganasan;
- Pencemaran;
- Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear dari pembakaran bahan api nuklear;
- Kerugian atau kerosakan jika harta itu tidak berpenghuni selama lebih daripada 90 hari.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

8. Bolehkah saya membatalkan Sijil saya?

Anda boleh membatalkan Sijil dengan memberi notis bertulis kepada kami. Semasa pembatalan, kami akan mengembalikan sumbangan secara pro-rata berdasarkan tempoh takaful semasa yang belum tamat.

9. Apa yang patut saya buat sekiranya ada perubahan maklumat?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut berkaitan takaful kebakaran atau anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Etika General Takaful Berhad (201701025031)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan di kawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Level 13, Tower B, Dataran Maybank

No. 1, Jalan Maarof

59000 Kuala Lumpur, Malaysia

Nombor Telefon: +603 2297 3888

Nombor Faksimile: +603 2297 3800

Etika Online: 1300 13 8888

E-mel: info@etika.com.my

Laman Web: www.etika.com.my

11. Lain-lain jenis perlindungan takaful kebakaran seumpama yang boleh didapati.

Sila rujuk kepada kami atau ejen untuk jenis perlindungan serupa yang ditawarkan.

NOTA PENTING:

ANDA PERLU MEMASTIKAN HARTA ANDA DILINDUNGI DENGAN NILAI YANG MENCUKUPI. DI MANA BERKENAAN, ANDA MESTI MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG SIJIL TAKAFUL YANG TELAH ANDA SERTAI. ANDA HARUS BACA DAN FAHAMI KANDUNGAN SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARA ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang terkandung dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada <hh/bb/tttt>